

Bajet 2017: Tumpu golongan miskin, pertengahan

SHAH ALAM 22 Sept. - Kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan langsung kepada kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan golongan pendapatan pertengahan (M40) diharapkan akan menjadi teras dalam pembentukan Bajet 2017.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Irmohizam Ibrahim berkata, hasil kajian dan pandangan secara menyeluruh perlu diteliti dan diperhalusi oleh kerajaan sebelum membentangkan bajet itu pada 21 Oktober ini.

Menurutnya, bagi membantu kumpulan B40 contohnya, kerajaan mungkin boleh menaikkan kadar Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahap maksimum agar golongan itu tidak terlalu terbeban dengan kenaikan kos sara hidup.

"Pemberian BR1M kepada golongan berpendapatan RM3,000 ke bawah penting untuk merengangkan beban kos sara hidup mereka kerana terdapat barangan keperluan yang meningkat.



IRMOHIZAM IBRAHIM

"Kerajaan juga disaran terus giat melakukan pemeriksaan secara mengejut untuk menyemak harga-harga barang terutamanya barangan keperluan bagi memastikan peniaga tidak mengaut keuntungan berlebihan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Irmohizam yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia menambah, beliau juga berharap bajet tersebut akan mengekalkan pemberian elaun sara hidup kepada nelayan, di samping meningkatkan dana insentif pendaratan ikan di semua kompleks dan jeti yang berdaftar dengan agensi berkenaan.

"Ini bagi meningkatkan hasil laut negara dan menarik lebih ramai nelayan, di samping dapat membantu golongan itu meningkatkan pendapatan.

"Peningkatan hasil laut negara juga akan memberi manfaat kepada rakyat tempatan, selain menstabilkan harga hasil dari-pada sumber laut," jelasnya.